

04/09/2001

(Umno tidak menyokong mana-mana ... )

KUALA LUMPUR, Isnin - Umno tidak menyokong mana-mana parti atau kumpulan yang mendakwa mereka mewakili dan disokong parti itu pada pilihan raya negeri Sarawak akan datang.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga memberi amaran mana-mana ahli Umno yang cuba berkempen atau bertanding menentang Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya itu, akan digugurkan secara automatik.

"Saya ingin jelaskan dengan terang di sini bahawa Umno tak terbabit dengan pilihan raya di Sarawak. Umno tidak menyokong mana-mana parti di Sarawak pada pilihan raya ini, kecuali BN," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

(END)